

Nasihat bayar PTPTN

Batu Pahat: Graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diingatkan menjelaskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) biarpun dalam jumlah yang kecil sebagai permulaan.

Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Noh Dalimin berkata, tindakan itu penting kerana ia memberi kesan kepada masa depan mereka sekiranya langsung tidak membuat bayaran pinjaman itu.

Menurutnya, universiti juga bimbang sekiranya graduan yang ditawarkan pekerjaan di luar negara tidak dapat menerimanya kerana tidak dibenarkan meninggalkan negara akibat hutang PTPTN.

"Kami sedih apabila dalam pembentangan Bajet 2015 Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan 170,000 graduan belum memulakan sebarang bayaran.

"Saya berharap dalam jumlah yang disebut itu me-

reka bukanlah graduan UTHM yang rata-ratanya memiliki pekerjaan baik," katanya ketika berucap merasmikan sidang keempat Majlis Konvokesyen ke-14 UTHM di Dewan Sultan Ibrahim di sini, semalam.

Dalam sidang terbabit, 455 graduan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik serta 408 graduan daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan menerima ijazah sarjana muda masing-masing.

Majlis Konvokesyen UTHM yang bermula semalam selama tiga hari menyaksikan 3,381 graduan universiti itu dianugerahkan ijazah dalam pelbagai jurusan.

Noh berkata, graduan juga diminta merancang kewangan mereka sebaik-baiknya selepas bekerja.

"Graduan yang membuat pinjaman PTPTN sepatutnya mengutamakan hutang mereka itu sebelum memirkirkan membeli kenderaan atau membelanjakan untuk perkara lain," katanya.